

18 Januari 2023

Norul Hasila Binti Abdullah
No.3, Jalan Kiara SD11/3i,
52200 Bandar Sri Damansara,
Selangor.

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC),
Jalan Produktiviti off Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya,
Selangor.
(u.p: Encik Josffa Bin Ismail)

YBhg. Dato'

**PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH BAGI
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (CBBPHLP) PERINGKAT SARJANA
PENGURUSAN PERNIAGAAN (MBA), UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(UKM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', saya **Norul Hasila Binti Abdullah** (830714-06-5344) merupakan penerima biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) sesi 2021 dan kini sedang mengikuti pengajian peringkat Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tempoh asal Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (CBBPHLP) yang telah ditawarkan oleh JPA adalah selama 20 bulan bermula **13 September 2021 sehingga 12 Mei 2023**.

3. Walaubagaimanapun, saya perlu mengikuti pengajian pada Semester 2 Sesi Akademik 2022/2023 disebabkan masih terdapat tiga (3) kursus elektif di bawah Kluster Pengurusan Awam yang hanya ditawarkan pada Semester 2 tersebut. Perkara ini juga disebabkan oleh tarikh akhir tempoh CBBP-HLP yang diluluskan adalah pada 12 Mei 2023 yang masih merupakan pertengahan Semester 2 Sesi Akademik 2022/2023. Berdasarkan kalendar akademik UKM-GSB Semester 2 yang bermula pada 10 April 2023 sehingga 24 September 2023.

4. Sehubungan itu, saya ingin memohon jasa baik YBhg. Dato' untuk mempertimbangkan tempoh pelanjutan cuti belajar bermula 13 Mei 2023 sehingga 24 September 2023 berdasarkan justifikasi seperti berikut:

- i. Terdapat **tiga (3) lagi kursus elektif** yang perlu diambil bagi melengkapkan 48 jam kredit yang ditetapkan oleh UKM-GSB bagi tujuan bergraduat.
- ii. Tiga (3) kursus elektif yang akan diambil pada Semester 2 Sesi Akademik 2022/2023 adalah merupakan kursus elektif yang berkaitan dengan pengurusan awam iaitu Kluster Pengurusan Awam (Public Management Cluster). Kursus elektif ini tidak ditawarkan pada Semester 1 Sesi Akademik 2022/2023 dan hanya ditawarkan pada Semester 2 Sesi Akademik 2022/2023 (10 April 2023 – 24 September 2023).
- iii. Kursus elektif ini merupakan kursus di bawah Kluster Pengurusan Awam yang lebih relevan dengan bidang tugas di sektor kerajaan selain dapat meningkatkan kompetensi sebagai Penjawat Awam. Senarai kursus elektif seperti di Lampiran.
- iv. Saya juga telah merujuk kepada pihak Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-GSB) berkaitan perkara ini dan pihak UKM-GSB tiada halangan untuk saya menyempurnakan pengajian di dalam tempoh empat (4) semester.

5. Berdasarkan kepada justifikasi-justifikasi di atas, saya dengan rendah diri ingin memohon pertimbangan dan kelulusan daripada YBhg. Dato' berhubung pelanjutan tempoh CBBP-HLP saya sehingga 24 September 2023. Bersama-sama ini juga dilampirkan beberapa dokumen sokongan yang berkaitan untuk makluman dan perhatian YBhg. Dato' selanjutnya:

- i. Surat Sokongan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (UKM-GSB);
- ii. Senarai Kursus Elektif Kluster Pengurusan Awam UKM-GSB;
- iii. Kalendar Akademik Terkini UKM-GSB 2022/2023;
- iv. Salinan keputusan peperiksaan Semester 1 & 2 Sesi Akademik 2021/2022;

6. Saya amat berharap agar YBhg. Dato' dapat memberikan pertimbangan yang sewajarnya berkaitan permohonan ini bagi membolehkan saya menamatkan pengajian sepertimana yang disyaratkan oleh UKM-GSB. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan pertimbangan yang diberikan oleh YBhg. Dato'.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Norul Hasila Binti Abdullah

019 - 2670279